

13/04/2001

Hak ramai lebih penting (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Tindakan menahan tujuh aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah bagi melindungi kepentingan hak asasi majoriti rakyat negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelak rusuhan dan keroHak ramai lebih penting sakan akibat perhimpunan 'Black 14' yang mereka rancang Sabtu ini hingga boleh mengganggu ketenteraman majoriti rakyat.

"Kita utamakan hak asasi majoriti...hak asasi majoriti untuk berniaga, untuk hidup dalam keadaan stabil, tanpa tekanan, tanpa rusuhan. Itu hak asasi juga. Kita tak boleh utamakan hak asasi satu kumpulan kecil yang mempunyai kepentingan tertentu hingga menghalang hak asasi orang lain," katanya.

Beliau diminta mengulas sama ada tindakan kerajaan menahan tujuh aktivis berkenaan akan menjejaskan kedudukan Malaysia dalam isu hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa, sedangkan Malaysia dikatakan amat sensitif kepada isu hak asasi manusia sejagat.

Sebelum itu, Dr Mahathir merasmikan bahan tampalan gigi 'Silverfil' yang dicipta oleh Dr S Radhakrishnan dan dikeluarkan syarikat Perwira Dunia Sdn Bhd, di Taman Teknologi Malaysia dekat sini.

Sejak dua hari lalu, polis menahan tujuh orang iaitu Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Chua Tian Chang, 37; Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Nor, 34; bekas aktivis pelajar, Hishamuddin Rais, 50; bekas Presiden Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Saari Sungib, 43; dan Penolong Setiausaha Keadilan, N Gobalakrishnan, 41, yang ditahan di sini kelmarin.

Pagi semalam, polis menahan Ketua Koordinator Keadilan, Raja Petra Raja Kamarudin, 49, di sini dan Exco Pemuda Keadilan, Abdul Ghani Haroon, 36, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata ketujuh-tujuh mereka adalah sebahagian daripada 20 aktivis reformasi yang mengadakan mesyuarat antara 6 Januari dan 4 April lalu, bagi merancang cara untuk mempengaruhi orang ramai menyertai demonstrasi jalanan.

Dr Mahathir berkata, polis percaya rusuhan boleh tercetus ketika demonstrasi itu dan memutuskan untuk tidak berhadapan dengan perhimpunan itu bagi mengelak perkara yang tidak diinginkan.

"Polis sudah mengeluarkan kenyataan bahawa ada bukti mengenai perancangan untuk menggunakan bahan letupan dan sebagainya. Oleh itu, kita tidak mahu ini berlaku," katanya.

Ditanya mengenai reaksi antarabangsa terhadap penahanan itu, beliau berkata: "Seperti biasa media asing akan mempersoalkan kita... mereka tidak pernah lihat sebarang kebaikan pada kita walaupun kita buat baik, kita mempunyai tanggungjawab terhadap negara kita...mereka boleh buat apa yang mereka suka."

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata polis menggunakan ISA untuk bertindak terhadap aktivis reformasi, bukannya terhadap ahli parti pembangkang.

Beliau berkata, cuma secara kebetulan mereka yang ditahan kerana merancang demonstrasi jalanan bersifat militan itu adalah ahli Keadilan.

"Saya sudah nyatakan bahawa ISA tidak akan digunakan terhadap pembangkang, tetapi kebetulan mereka terdiri daripada ahli Keadilan," katanya selepas merasmikan Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Kumpulan MRCB, di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas sama ada kerajaan sudah mengubah dasar tidak menggunakan ISA terhadap ahli parti pembangkang, berikutan penahanan tujuh aktivis berkenaan, kelmarin dan semalam.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis mempunyai kuasa menentukan bentuk dan jenis tindakan yang perlu diambil terhadap pihak tertentu yang didapati cuba menggugat ketenteraman awam.

Sehubungan itu, katanya, tindakan polis tidak bergantung kepada arahan atau memerlukan kebenaran Kementerian Dalam Negeri.

"Terserahlah kepada polis untuk bertindak mengikut keperluan. Mereka yang memantau keadaan dan jika mereka ingin membuat sesuatu tindakan, terserahlah kepada mereka," katanya.

Mengenai reaksi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) serta kemungkinan kritikan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia, Abdullah berkata kerajaan prihatin dengan soal hak asasi individu.

(END)